

Objektif

Mengukur isipadu objek yang tidak sekata.

Bahan

Gelas berisi air penuh, bekas berbentuk petak, picagari, benang, paku, pen, skru bersaiz besar dan bebola besi.

Arahan

1. Murid secara berkumpulan diberikan peralatan tersebut untuk mengaplikasikan kaedah sesaran air.
2. Murid dikehendaki mengukur isipadu bahan-bahan tersebut menggunakan alat yang diberikan sahaja.
3. Isi jadual di bawah dengan ukuran yang betul.

Bahan	Paku	Pen	Skru	Bebola besi
Isipadu bahan (mℓ)				

Kaedah yang betul:

1. Letak gelas berisi air penuh di dalam besen.
2. Ikat benang pada bahan.
3. Masukkan bahan ke dalam gelas berisi air penuh.
4. Air yang melimpah ke dalam besen disedut menggunakan picagari.
5. Ukur paras air di dalam picagari.